

MENTHOLATUM DEEP COLD

Menthol (20mg/g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mentholatum Deep Cold
2. Bagaimana Mentholatum Deep Cold berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mentholatum Deep Cold
4. Cara menggunakan Mentholatum Deep Cold
5. Semasa menggunakan Mentholatum Deep Cold
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mentholatum Deep Cold
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mentholatum Deep Cold

Ubat ini digunakan untuk melegakan kesakitan secara sementara untuk sakit otot, sakit belakang dan radang sendi.

Bagaimana Mentholatum Deep Cold berfungsi

Apabila menthol disapu pada kulit, ia mengembangkan saluran darah yang seterusnya menyebabkan rasa sejuk dan melegakan kesakitan.

Sebelum menggunakan Mentholatum Deep Cold

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda mempunyai alahan kepada menthol atau bahan-bahan lain yang dinyatakan di hujung risalah ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Mentholatum Deep Cold jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Mentholatum Deep Cold jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Mentholatum Deep Cold

- Elakkan daripada terkena mata.
- Jangan menyapukan Mentholatum Deep Cold pada luka.
- Jangan membalut dengan ketat.
- Jangan menggunakan dengan pad pemanas.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Mentholatum Deep Cold

- Berapa banyak harus digunakan

- Sapukan secukupnya pada bahagian yang sakit. Urut sehingga ia diserap sepenuhnya ke dalam kulit.

- Bila perlu digunakan

Sapukan mengikut keperluan.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Mentholatum Deep Cold mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan sebaik sahaja anda ingat atau seperti yang diarahkan oleh doktor / ahli farmasi.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jika tertelan produk ini, sila jumpa doktor dengan segera.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Mentholatum Deep Cold

- Perkara yang perlu dilakukan

Untuk kegunaan luaran sahaja

Gunakan ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Mentholatum Deep Cold.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan menggunakan Mentholatum Deep Cold selepas tarikh luput.
- Jangan melebihi dos kecuali diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan menggunakan ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberikan Mentholatum Deep Cold kepada sesiapa walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jauhi ubat ini dan ubat-ubat lain daripada kanak-kanak.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Mentholatum Deep Cold boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my/Consumers → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Mentholatum Deep Cold

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Gel licin dan pekat yang berwarna biru muda. Ubat ini berbau menthol.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Menthol 20mg/g
- Bahan tidak aktif
Deionised Water, Isopropyl alcohol, Carbomer 934, Triethanolamine 99, Methyl p-Hydroxybenzoate, Propyl p-Hydroxybenzoate, Brilliant Blue Dye

- NomborMAL

MAL 08082512X

Pengilang

Mentholatum Australasia Pty Ltd
12-16 Janine Street, 3179, Australia

Pemegang Pendaftaran Produk

Rohto-Mentholatum (M) Sdn Bhd
Unit 9-1, Level 9, Wisma Averis,
Avenue 5, Bangsar South City,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/06/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)270522/00031